

CONFIDENTIAL



MALAYSIA INSTITUTE OF INFORMATION TECHNOLOGY

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2016 SEMESTER**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 2143  
**SUBJECT TITLE** : PENGAJIAN ISLAM  
**LEVEL** : BACHELOR  
**TIME / DURATION** : 2 ½ JAM 2.00 pm – 4.30 pm  
**DATE** : 24 MAY 2016

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Do not open the question paper until instructed to do so.
2. This Question Paper consists of **TWO (2) SECTIONS**. Answer **TWO(2)** questions in section A and **THREE (3)** questions in section B.
3. Read the instructions carefully before attempt any question.
4. Candidates must attempt ALL questions in the Answer Booklet

---

**THERE IS 4 PAGES OF QUESTIONS, INCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (40 MARKAH)**

CALON PERLU MENJAWAB **DUA** SOALAN SAHAJA DARIPADA BAHAGIAN A.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan pengertian jihad *fi sabilillah* dan huraikan peranannya dalam mengangkat martabat umat Islam dalam bidang ekonomi dan politik. (10 markah)
- b. Pada pandangan anda bagaimanakah ekonomi Islam dapat dilaksanakan dengan berkesan di Malaysia. Berikan empat hujah anda. (10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Huraikan pengertian Islam dan iman. (4 markah)
- b. Apakah maksud *Maqasid al-syariah* dan huraikan contoh yang sesuai. (6 markah)
- c. Aqidah Tauhid merupakan asas pembentukan manusia ke arah kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat. Bincangkan peranan aqidah Tauhid dalam membentuk kecemerlangan ummah. (10 markah)

**SOALAN 3**

- a. “Di dalam Islam terdapat pelbagai seni yang diiktiraf dan dilarang, di mana Islam mengambil jalan tengah dalam penetapan hukum, selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat Islam.”

Bincangkan dalam keadaan bagaimanakah hukum seni boleh menjadi haram dan wajib serta huraikan empat fungsi seni dalam Islam.

(10 markah)

- b. Keluarga merupakan Institusi kekeluargaan yang sangat penting dalam membentuk sebuah negara yang cemerlang. Sehubungan itu buat analisa ringkas berdasarkan keadaan semasa masa kini, apakah cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa untuk mewujudkan sebuah negara cemerlang.

(10 markah)

**BAHAGIAN B (60 MARKAH)**

CALON PERLU MENJAWAB **TIGA (3)** SOALAN SAHAJA DARI BAHAGIAN B DAN JAWAPAN HENDAKLAH DALAM BENTUK ESEI.

**SOALAN 1**

Kemukakan empat hujah, bahawa perundangan Islam boleh dilaksanakan di Negara Malaysia pada suatu hari nanti. (20 markah)

**SOALAN 2**

Kerja merupakan ibadah umum dan jika dilakukan dengan betul ia dikira sebagai ibadah. Sehubungan itu huraikan lima syarat yang membolehkan kerja kita menjadi ibadah dan mendapat keberkatan Allah S.W.T. (20 markah)

**SOALAN 3**

Pada masa kini terdapat banyak salah faham tentang ajaran Islam, sama ada datang daripada umat Islam sendiri atau pun dari masyarakat bukan Islam. Huraikan empat salah faham yang telah berlaku dengan mengemukakan contoh yang sesuai. (20 markah)

**SOALAN 4**

Selepas peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah, maka bermulalah sebuah kerajaan Islam yang dibina oleh baginda Rasulullah s.a.w. Sehubungan itu anda perlu membuat analisa apa yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. untuk dijadikan contoh bagi membina sebuah Negara Malaysia yang menepati kehendak al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammah s.a.w. (20 markah)

**SOALAN TAMAT**